



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
SIMPOSIUM BIOSEKURITI TUMBUHAN TAHUN 2022**

**PADA
13 SEPTEMBER 2022 (SELASA)**

**BERTEMPAT DI
KLANA RESORT, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

(RUJUK SALUTASI FINAL DI LAPANGAN)

YANG BERBAHAGIA DATO' ZAHIMI BIN HASSAN

Ketua Pengarah

Jabatan Pertanian Malaysia

YANG BERUSAHA PUAN NOR SAM BINTI ALWI

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian

(Pengurusan dan Regulatori)

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri

YANG BERUSAHA TECHNOLOGIS ROSMAWATI BINTI SELAMAT

Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Induk Simposium Biosekuriti Tumbuhan 2022

Dif-dif Kehormat

Para Pembentang Kertas Kerja dan Peserta Simposium

Rakan-rakan Media

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan sidang hadirin yang saya hormati sekalian

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

1. Pertamanya, saya zahirkan rasa syukur dan berbesar hati kerana pada pagi ini dapat sama-sama hadir di **Majlis Perasmian Simposium Biosekuriti Tumbuhan bagi Tahun 2022.**
2. Tahniah dan syabas kepada Jabatan Pertanian atas penganjuran simposium ini yang berjaya menghimpunkan hampir kesemua pemegang taruh dalam bidang pertanian terutamanya **pemegang polisi, penyelidik daripada universiti dan agensi, persatuan-persatuan penanam, pihak penyedia perkhidmatan serta pemain-pemain industri** yang terlibat dalam sistem biosekuriti tumbuhan negara.
3. Simposium yang memasuki Siri ke-4 anjuran DOA pada tahun ini bertemakan **“Pemeriksaan Biosekuriti Tumbuhan Menjamin Sekuriti Makanan Negara”.**
4. Tema ini dilihat selari dengan Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 (DAN 2.0) yang mendukung **aspirasi dan menetapkan hala tuju sektor agromakanan negara untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi** dalam memastikan sekuriti makanan negara terjamin melalui pemeraksanaan biosekuriti tumbuhan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

5. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menyediakan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025 bagi terus memperkukuh sekuriti makanan negara yang didokong dengan **5 teras strategik dan 15 strategi serta 96 inisiatif yang akan direalisasikan oleh pelbagai Jabatan dan Agensi dalam tempoh 5 tahun.**
6. Antaranya adalah dengan mempertingkat dan memperkukuhkan sistem biosekuriti pertanian negara sedia ada termasuk memperkasa **aktiviti pencegahan dan pengurusan serangan perosak dan penyakit.**
7. Isu biosekuriti pada masa kini lebih terdedah kepada **kemasukan perosak baharu dan pergerakan perosak rentas sempadan atau trans-boundary pest** akibat perubahan iklim dengan cuaca yang ekstrem serta pelbagai aktiviti manusia yang mengubah ekosistem setempat.
8. Menurut *Food and Agriculture Organization* (FAO), **perjalanan dan perdagangan antarabangsa yang meningkat 3 kali ganda dalam tempoh 10 tahun** belakangan ini juga menjadi punca penyebaran perosak dan penyakit tumbuhan baharu.

9. Laporan di seluruh dunia merekodkan, hampir 40 peratus tanaman makanan musnah akibat serangan perosak dan penyakit tumbuhan setiap tahun dan **Malaysia juga tidak terkecuali dalam menghadapi fenomena ini.**
10. Kemerebakan atau *outbreak* perosak dan penyakit ini **melibatkan kos yang besar kepada kerajaan** dari segi pengurusan dan program penghapusannya.
11. Oleh itu, menjadi harapan saya agar semua pihak yang terlibat sentiasa bersiap sedia bagi mencegah kemerebakan ini daripada berlaku, bak kata pepatah **'sediakan payung sebelum hujan'**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

12. Dalam tempoh sedekad, MAFI melalui Jabatan Pertanian telah membelanjakan sekurang-kurangnya **3 juta ringgit setahun dari tahun 2010 hingga kini bagi memperkukuh Program Pengurusan Perosak dan Penyakit Tanaman.**
13. MAFI melalui Jabatan Pertanian yang juga sebagai sebahagian daripada **Organisasi Perlindungan Tumbuhan Kebangsaan (*National Plant Protection Organization, NPPO*)**, sentiasa berusaha untuk memastikan usaha pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan sentiasa menjadi keutamaan dalam memacu usaha ke arah pertanian yang lebih mampan.
14. Peruntukan pembangunan MAFI melalui Rancangan Malaysia ke-11 dan RMKe-12 melibatkan pelbagai program, termasuk **penambahbaikan sistem kemudahan import dan eksport bagi memenuhi pematuhan piawaian sanitasi dan fitosanitasi antarabangsa.**
15. Ini bagi memastikan **sistem biosekuriti negara sentiasa tersedia untuk melindungi sektor pertanian dan biodiversiti negara** daripada kemasukan dan kemerebakan perosak serta penyakit tanaman.
16. Saya percaya, pelaksanaan program **Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated Pest Management - IPM*)** dalam pengurusan perosak, **pengenalanan *system approach* dalam rantai pengeluaran makanan, penggunaan racun perosak secara terkawal dan pengurusan sumber tanah yang berkesan** adalah amat penting bagi memastikan biosekuriti tanaman dan seterusnya meningkatkan hasil dan kualiti tanaman.
17. Pada masa yang sama, **penguatkuasaan akta-akta dan peraturan-peraturan berkaitan** juga memainkan peranan penting dalam keperluan untuk mengawal kemasukan perosak-perosak invasif ke dalam negara.

18. Selain itu, **penggunaan agen biologi, pembangunan bio-pestisida (bio pesticide) dan penggalakan populasi musuh semula jadi pada persekitaran** bagi kawalan perosak juga penting, dalam usaha mengurangkan kadar sisa baki racun dalam produk pertanian dan alam sekitar.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

19. Melangkah ke hadapan, kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman biosekuriti perlu dipertingkatkan dengan memastikan **pemantapan regulasi pengimportan tumbuhan dan produk tumbuhan** dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan perosak dan penyakit yang boleh mengancam industri tanaman kita tidak memasuki negara dan seterusnya memberi kesan kepada sektor agromakanan negara.
20. Kerajaan juga akan terus mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya di pintu masuk negara bagi memastikan **keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya dapat dibendung serta dikawal**.
21. Dalam hal ini, **Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negara secara dasar telah bersetuju dengan pewujudan Pusat Seheni Kuarantin Negara (One Stop Quarantine Centre - OSQC)** di pintu masuk utama pengimportan dan pengeksportan hasil pertanian dan agromakanan negara bagi terus memperkukuhkan kawalan biosekuriti.
22. OSQC yang dalam peringkat perbincangan dan penelitian lanjut ini akan menyediakan satu fasiliti bersepadu yang akan menyediakan semua perkhidmatan berkaitan kuarantin dan keselamatan agromakanan seperti **pemeriksaan, rawatan kuarantin, pengujian, penyelidikan, pemantauan dan pelupusan ke atas komoditi pertanian dan produk agromakanan**.
23. Fasiliti ini akan dibangunkan dengan menerapkan penggunaan **teknologi tinggi, automasi, moden dan standard** bagi memastikan matlamat kawalan biosekuriti tercapai dengan **menyokong dan melengkap aktiviti perdagangan termasuk import, eksport, transit, transshipment, transloading dan further processing** komoditi pertanian dan produk agromakanan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

24. Sesungguhnya, pengurusan biosekuriti tumbuhan adalah amat penting bagi memastikan **pengeluaran hasil pertanian yang selamat dimakan dan kelestarian kepelbagaian biodiversiti di Malaysia sentiasa kekal terpelihara**.

25. Penglibatan **pelbagai pihak iaitu pemain industri dan pemegang taruh pertanian** yang terdiri daripada pemegang polisi, penyelidik, pengimport, pengeksport, NGO dan komuniti usahawan tani adalah sangat penting dalam menyokong usaha kerajaan bagi memastikan keselamatan dan sekuriti makanan negara terus terjamin.
26. Saya yakin dan percaya, melalui komitmen dan semangat anda semua dapat menjadikan simposium yang berlangsung selama 2 hari ini sebagai **platform terbaik untuk berkongsi ilmu dan pengalaman serta menjadi medan pertemuan bagi memperkukuh hubungan kerjasama antara setiap pemegang taruh.**
27. Akhir kata, tahniah dan syabas kepada peserta dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan simposium ini. Semoga simposium ini berjalan dengan lancar dan memberi manfaat kepada kita semua.
28. Dengan kata-kata itu, **saya dengan sukacitanya merasmikan Simposium Biosekuriti Tumbuhan Bagi Tahun 2022.**

Sekian, terima kasih.